

27/02/2002

Lim syor suruhanjaya siasat Perwaja

GEORGETOWN, Selasa - Pengerusi DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian dan dakwaan penyelewengan membabitkan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja).

Lim juga mencadangkan bekas Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Zaki Husin, dilantik bagi membantu siasatan itu.

"Langkah ini perlu untuk mengelakkan nama Malaysia tercatat dalam Guinness Book of Records sebagai negara yang mempunyai skandal besar tanpa sebarang penjenayah," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Lim mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa berlaku penyalahgunaan wang dan salah pengurusan dalam Perwaja sehingga menyebabkannya kerugian besar.

Dr Mahathir berkata demikian dalam satu sesi dialog di London dan disiarkan dalam akhbar tempatan, hari ini.

Antara lain, Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata, pihak berkuasa masih meneruskan siasatan terhadap syarikat itu dan mereka yang bertanggungjawab dalam sebarang penyelewengan akan dihadapkan ke mahkamah.

(END)